



5 terbunuh MPV rempuh lori beras

» Anggota kumpulan kebudayaan Cina dalam perjalanan ke Muar, enam turut cedera



Tan yang menangis sambil dipeluk anaknya selepas mengetahui kematian anak perempuannya, Pang Lee Si dalam nahas ngeri.
[Foto MUHAIZAN YAHYA/ BH]

B/H 28/11/21 MS18



**Menangis
dua jam
dapat berita
anak maut**

Slim River: Seorang ibu meradang dan merintih lebih dua jam sebaik mengetahui kematian anak perempuannya Pang Lee Si, 35, dalam nahas ngeri di Kilometer 372.1 Lebu Raya Utara Selatan, semalam.

Tan Kuan Lang dari Nibong Tebal, 60-an; berulang kali menyatakan kekesalan pemergian anak perempuannya yang bakal melangsungkan perkahwinan dalam tempoh 10 hari lagi.

“Mana anak saya, kenapa dia tidak dapat diselamatkan... kenapa saya menerima nasib macam ini. Saya mahukan anak saya,” rintih wanita itu berulang kali di perkarangan Hospital Slim River (HSR), di sini, kira-kira jam 10.30 pagi semalam.

Panggilan telefon tak berjawab

Suami seorang lagi mangsa maut, Lim Meng Hee, 33, berkata dia tidak menyangka kemalangan itu meragut nyawa isterinya, Ong Choon Jee, 33, serta mencederakan anak lelakinya Lim Tau Hong, 5.

“Kami sama-sama bertolak dari Nibong Tebal untuk mengadakan persembahan di Muar, Johor. Bagaimanapun, saya memandu lori bermuatan kelengkapan pancaragam, manakala isteri dan anak lelaki saya berada di belakang menaiki MPV itu.

“Saya terus memandu sehingga ke Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Behrang dan mula menghubungi isteri berikutan kenderaan yang dinaiki mereka tidak kelihatan.

“Panggilan telefon itu tidak berjawab sehingga saya menghubungi rakan lain yang turut menaiki MPV itu sebelum dimaklumkan mengenai kemalangan berkenaan,” katanya ketika ditemui di perkarangan HSR, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon turut hadir ke hospital melawat ahli keluarga mangsa.



BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Oleh Nurhayati Abillah
dan Rosman Shamsudin
bhnews@bharian.com.my

► Slim River

Lima terbunuh, enam cedera termasuk empat parah apabila kenderaan pelbagai guna (MPV) yang mereka naiki merempuh belakang lori di Kilometer 372.1 Lebu Raya Utara Selatan, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 7 pagi kira-kira 150 meter dari susur keluar Slim River itu, MPV yang membawa ahli pancaragam kebudayaan masyarakat Cina itu dipercayai hilang kawalan sebelum melanggar lori yang berhenti di lorong kecemasan.

Lima yang maut ialah Poh Hock Huat, 60 dan Juvien Chin Yu Xuan, 12, masing-masing dari Nibong

Tebal; Ong Choon Jee, 33 (Prai); Pang Lee Si, 35 (Taman Serdang, Kedah) dan Daphne Eng Yuik Yee, 14, (Bagan Selatan, Tanjung Piandang, Perak).

MPV hilang kawalan

Mangsa yang parah, pemandu MPV, Chong Soon Choy, 61, dari Bukit Mertajam (patah tangan); Heng Ah Lee, 60, dari Bagan Selatan, Tanjung Piandang, Perak (pendarahan paru-paru); Boo Goik Hong, 58, dan Lim Tau Hong berusia lima tahun iaitu anak kepada Choon Tee masih dirawat di Hospital Slim River, di sini.

Dua lagi mangsa iaitu Ho Seok Yi, 18, dari Bagan Serai, Perak dan Goey Wen Ni, 16, dari Nibong Tebal, Pulau Pinang cedera ringan dan dirawat sebagai pesakit luar hospital sama.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tanjung Malim, Deputy Superintendan R Supramaniam, berkata kemalangan berlaku ketika mangsa dalam

perjalanan dari Nibong Tebal untuk mengadakan persembahan di Muar, Johor.

“Sebaik tiba di tempat kejadian, MPV terbabit dipercayai hilang kawalan sebelum merempuh lori di lorong kecemasan berikutan satu daripada tayar belakang kenderaan berat itu pecah.

“Rempuhan kuat itu menyebabkan bahagian depan MPV remuk dan lima penumpang maut di tempat kejadian, manakala enam lagi cedera,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kemalangan itu berlaku sebaik lori berkenaan memberhentikan kenderaan dan pemandunya belum sempat meletakkan kon keselamatan.

Terperosok bawah lori

“Bagaimanapun, punca sebenar





Keadaan MPV yang remuk selepas merempuh bahagian belakang sebuah lori membawa beras di KM 372.3 Lebuhraya Utara Selatan hala ke selatan berhampiran susur keluar Plaza Tol Slim River semalam.



Poh Hock Huat



Pang Lee Si



Daphne Eng Yuik Yee



Juvien Chin Yu Xuan



Tangisan minta tolong, darah basahi jalan

Slim River: “Saya terpaksa duduk beberapa minit selepas melihat keadaan mayat bergelimpangan dalam kenderaan berkenaan. Saya melihat cebisan otak, rambut dan kepala terputus,” kata kelindan lori, Ku Mohd Hayazi Ku Mohd Isa, 32.

Saksi kemalangan ngeri meragut lima nyawa di Kilometer 372.1 Lebuhraya Utara Selatan, di sini, berkata dia terpaksa menenangkan diri buat seketika sebelum menggagahkan diri membantu mengeluarkan mangsa yang cedera.

“Saya mendengar suara kanak-kanak menangis dan jeritan meminta tolong selain darah membasahi jalan,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, di sini, semalam.

Nahas paling ngeri

Katanya, sepanjang lima tahun bekerja sebagai kelindan, inilah kemalangan paling ngeri pernah disaksikannya.

Hayazi berkata, sebelum kejadian, dia bersama pemandu lori yang juga rakannya, Mohd Ridzuan memberhentikan lori mereka di lorong kecemasan disebabkan satu daripada tayar kenderaan pecah ketika mereka dalam perjalanan menghantar bekal beras ke Sungai Buluh, Selangor.

“Dalam beberapa minit, ketika Mohd menghubungi mekanik serta trak penunda bagi membaiki kerosakan lori kami, terdengar bunyi dentuman kuat dari belakang sehingga lori kami bergerak ke hadapan,” katanya.

Beri laluan

Sementara itu, pemandu MPV, Chong Soon Choy, 61, mendakwa kemalangan berlaku selepas dia terpaksa membelok ke kiri jalan bagi memberi

laluan kepada sebuah kereta dipandu laju dari arah belakang yang turut memberi lampu tinggi menyebabkan kenderaannya hilang kawalan sebelum merempuh lori terbabit.

Dia yang ditemui ketika mendapatkan rawatan di Hospital Slim River (HSR) di sini, semalam bersyukur kerana terselamat dalam kemalangan ngeri itu walaupun cedera di tulang rusuk dan patah pergelangan tangan kiri.


“Saya sedih kerana sebahagian ahli kumpulan pancaragam kami maut dalam kemalangan berkenaan. Saya akui gagal melihat lori yang berhenti di lorong kecemasan itu sebelum merempuh kenderaan berkenaan.

“Walaupun saya yang memandu, tetapi saya terselamat kerana dilindungi beg udara keselamatan,” katanya pemain dram dalam kumpulan pancaragam itu.

Seorang lagi penumpang MPV yang cedera, Goey Wen Ni, 16, masih trauma selepas kemalangan itu walaupun ketika kemalangan berlaku dia nyenyak tidur.

“Sebaik sedar, saya berada di luar MPV itu. Saya terkejut melihat mayat beberapa rakan yang ada antara mereka hampir gagal dikenal pasti,” katanya yang cedera ringan di tangan dan kaki.

“**Dalam beberapa minit, ketika Mohd menghubungi mekanik serta trak penunda bagi membaiki kerosakan lori kami, terdengar bunyi dentuman kuat dari belakang sehingga lori kami bergerak ke hadapan**”




kemalangan dan kematian masih dalam siasatan. Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan orang ramai terutama saksi kejadian diminta menghubungi polis bagi membantu siasatan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Slim River, Md Zin Mohd Saaidin, berkata sembilan anggota termasuk lima dari Balai Bomba dan Penyelamat Bidor mengambil masa hampir sejam bagi mengeluarkan mangsa menggunakan pelbagai peralatan bagi mengalihkan MPV berkenaan yang terperosok di bawah lori itu.

“Kami menerima panggilan jam 7.28 pagi dan sebaik tiba di lokasi kejadian enam mangsa cedera berjaya dikeluarkan dengan bantuan orang awam, manakala lima yang maut masih berada di tempat duduk masing-masing,” katanya.

Ong Choon Jee



Ku Mohd Hayazi Ku Mohd Isa,
Kelindan lori

Kemalangan membabitkan MPV di Perak sepanjang tahun ini

⊙ **Kemalangan mengorbankan tujuh** daripada 10 remaja yang menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV) Honda Stream di Jalan Sitiawan-Lumut kira-kira jam 12

tengah malam, pada 1 Januari lalu.

⊙ Dua terbunuh, manakala 10 cedera apabila dua kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota

Estima dan Toyota Alphard terbabit dalam **kemalangan di KM 181.5 Lebuhraya Utara-Selatan** dekat Parit Buntar, pada jam 7.10 pagi, 11 Mac lalu.